

## Kesihatan Mental dan Tingkahlaku Kewarganegaraan Organisasi (TKO) dalam Kalangan Anggota Polis Semasa Pandemik Covid-19

*Mental Health and Organizational Citizenship Behavior (OCB) among Police Officers during the Covid-19 Pandemic*

Nor A'tikah Mat Ali\*  
Mohd Azrin Mohd Nasir  
Farah Nadia Mohd Faudzi  
Suzila Ismail  
Norzaliza Alis

*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,  
Universiti Utara Malaysia*

\*Corresponding e-mail: [[nor.atikah@uum.edu.my](mailto:nor.atikah@uum.edu.my)]

Mental health become an important contributor to enhance organizational citizenship behavior (OCB) among employee especially police officer in Malaysia. Good state of mental health dan implementation of OCB will enhance quality of work, personal performance, and productivity among police officer during pandemic Covid-19. This study focusses on identify the level of mental health from aspects of depression, anxiety and stress and the level of OCB that consist of behaviors directed towards the organizational (OCBO) and directed towards individuals (OCBI). The aim of this study also to the relationship between mental health and OCB among police officer in Malaysia. 615 police officers from Contingent Headquarters, Kuala Lumpur involved in this study. The finding revealed that mental health status among police officer in Malaysia is normal while the level of OCB is at an excessive stage. The result also proven the significant negative relationship between mental health and OCB. This study can be a guideline for Royal Malaysia Police (RMP) to emphasis on the important of mental health and promotion of OCB among police officer in Malaysia.

**Keywords:** mental health, depression, anxiety, stress, organisational citizenship behaviour

Wabak COVID-19 mula dikenalpasti di China pada Disember 2019 dan telah menular di seluruh dunia. Seluruh dunia mencatat lebih daripada 3 juta kematian disebabkan oleh wabak ini (WHO, 2021). Pandemik COVID-19 telah meninggalkan impak yang amat besar dari aspek kesihatan, keselamatan, ekonomi, pekerjaan, dan sebagainya. Barisan petugas hadapan negara kita terutamanya anggota polis turut terkesan dengan pandemik ini.

Berikutnya peningkatan kes COVID-19 yang tidak terkawal, kawalan pergerakan terus dijalankan di negara kita bermula pada Mac 2020. Kawalan pergerakan ini

mempunyai beberapa peringkat yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuklah Perintah Kawalan pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPD). Bagi memastikan kawalan pergerakan ini dilaksanakan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dalam mengawal pergerakan orang awam di seluruh negeri. Ini menunjukkan bahawa tugas menjaga

keselamatan masyarakat terutamanya sepanjang pandemik COVID-19.

Selain menjaga keselamatan masyarakat, anggota polis juga bertanggungjawab dalam mengawal pergerakan masyarakat semasa pandemik dan mereka juga berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antara cabaran tersebut adalah berlakunya pertambahan peranan tugas, bekerja tanpa henti, terpaksa berhujan, bermandi peluh, berjauhan dengan keluarga, dan berisiko dijangkiti penyakit tersebut (BERNAMA, 2020). Keadaan ini turut membimbangkan kerana hal ini dapat menjelaskan tahap kesihatan mental sebahagian daripada anggota polis (Eikhan Ali & Mahirah A Rashid, 2020; Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhaimi Mohamad, 2021).

Anggota polis juga turut berhadapan dengan pelbagai karenah dan sikap masyarakat semasa kawalan pergerakan dilakukan. Terdapat sesetengah individu yang mencabar peranan anggota polis sebagai contohnya, berlakunya peningkatan individu yang ditahan kerana ingkar dengan PKP (Firdaus Azil, 2021). Terdapat juga sesetengah individu yang melepaskan ketidakpuasan disebabkan sekatan lalu lintas dilakukan oleh pihak berkuasa (Stogner, Miller & McLean, 2020). Terdapat juga beberapa jenayah yang berlaku dalam masyarakat semasa pandemik. Antaranya adalah jenayah siber berikutnya individu banyak menghabiskan masa dengan melayari internet di rumah (Walton & Falkner, 2020), jenayah curi kenderaan iaitu curi motosikal, keganasan rumah tangga (Suhaili Ibrahim & Ishak Abd Rahman, 2021), dan jenayah samun berkumpulan (BERNAMA, 2020). Secara tidak langsung, jenayah-jenayah ini juga memerlukan tanggungjawab anggota polis dalam mengawal dan menanganinya.

Oleh itu, pandemik COVID-19 ini telah memberikan kesan dan membawa satu cabaran kepada anggota polis yang mampu

memberikan kesan kepada ketidakstabilan emosi serta tekanan kepada mereka (Stogner et. al., 2020). Bagi mereka yang tidak mempunyai daya tindak yang kuat akan cenderung untuk mengalami kemurungan (Mayshak et. al., 2020). Dengan ini, suatu daya dan kemampuan diri perlu ada di dalam diri mereka supaya mereka dapat menyesuaikan diri mengikuti pelbagai tekanan dan tuntutan hidup (Firdaus Abdul Ghani, 2013).

Menurut Wan Anor Wan Sulaiman, Wan Nurfatini Wan Anor, Adi Fahrudin, dan Mohd Dahlan (2018), bebanan kerja yang berlebihan boleh menjelaskan tahap kesihatan mental anggota polis yang sering terdedah dengan pelbagai ancaman dalam memastikan kesejahteraan negara tercapai. Oleh itu, bagi memastikan kawalan pergerakan dilaksanakan dengan baik dan rantai COVID-19 berjaya diputuskan, adalah sangat penting dalam memastikan setiap anggota polis mempunyai tahap kesihatan mental yang baik.

Menurut Avey, Wernsing dan Luthans (2008), kesihatan mental yang tinggi dapat meningkatkan tingkah laku positif pekerja dalam sesebuah organisasi. Antara tingkah laku positif yang dapat dikaitkan dengan kesihatan mental adalah tingkah laku kewarganegaraan organisasi (TKO). TKO boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku di luar bidang tugas tanggungjawab seseorang pekerja yang dapat membantu mencapai misi sesebuah organisasi (Smith, Organ & Near, 1983). William dan Anderson (1991) memperkenalkan dua jenis TKO iaitu tingkah laku kewarganegaraan organisasi terhadap organisasi (TKO terhadap organisasi) dan tingkah laku kewarganegaraan organisasi terhadap individu (TKO terhadap individu). TKO terhadap organisasi adalah tingkah laku sukarela seperti mematuhi peraturan tidak rasmi bertujuan untuk menjaga kestabilan kerja manakala TKO terhadap individu seperti membantu rakan sekerja (Zhu, 2013).

Namun begitu, kajian yang melihat implikasi kesihatan mental terhadap TKO khususnya dalam kalangan anggota polis di Malaysia masih perlu diberikan perhatian. Menurut Zafir dan Fazilah (2006) kajian TKO tanpa mengira aspek kesihatan mental di lihat kurang lengkap dan perlu diberikan perhatian bagi memastikan peningkatan prestasi kerja dan produktiviti organisasi mereka. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji interaksi antara kesihatan mental dari aspek kesejahteraan emosi, kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan sosial terhadap TKO terhadap organisasi dan TKO terhadap individu dalam kalangan anggota polis di Malaysia.

### **Kajian lepas**

#### **Kajian berkaitan kesihatan mental**

Kebanyakkan kajian terkini dalam kalangan anggota polis telah merumuskan bahawa punca tekanan dalam isu kesihatan mental anggota polis disebabkan oleh pandemik (Stogner et. al., 2020; Frenkel et. al., 2021; Nazirah et. al., 2021). Kajian oleh Frenkel et al, (2021) melibatkan 2567 anggota polis di German, mendapati risiko jangkitan, kekurangan kepimpinan, dan komunikasi adalah punca utama kepada tekanan. Kajian oleh Nazirah et al, (2021) mendapati anggota polis berhadapan dengan tekanan disebabkan olehkekangan logistik, bebanan tugas, sikap orang awam, masalah kawal emosi dan isu peribadi. Cabaran-cabarannya tersebut dapat menjelaskan kesihatan mental sekiranya mereka mempunyai daya tindak yang lemah dan cenderung mengalami kemurungan.

Terdapat juga kajian oleh Mohamed, Zainal Abidin, Rasdi dan Ismail (2021) dengan menggunakan Inventori DASS-2, untuk mengenal pasti tahap kesihatan mental anggota polis di Malaysia. Hasil menunjukkan peratus tertinggi bagi kemurungan (41.1%), kebimbangan (45%) dan tekanan (31.8%) berada pada tahap

sederhana. Keperluan mengekalkan sokongan sosial daripada rakan kerja dalam mengurangkan tekanan dalam kalangan anggota polis terutamanya semasa pandemik ini amat diperlukan (Laufs & Waseem, 2020; Matulessy, Pascarini & Rakhim, 2021).

Kajian oleh Masilamani et. al (2013) melibatkan 579 anggota polis di Kuala Lumpur, mendapati Inspektor lebih cenderung kepada tekanan yang teruk berbanding dengan pengawai junior kerana tanggungjawab dan tugas inspektor adalah lebih besar. Kajian oleh Husain (2014) melibatkan 315 anggota polis di Pakistan pula mendapati bahawa anggota polis junior di Pakistan mempunyai tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang tinggi kerana mereka terdedah dengan beban kerja dan masalah organisasi.

#### **Kajian berkaitan Kesihatan Mental dan TKO**

Terdapat beberapa kajian lepas memfokuskan hubungan antara kesihatan mental dengan TKO. Kajian oleh Molines et. al (2017), melibatkan 70 buah balai polis di Perancis mendapati bahawa tekanan daripada organisasi telah menyebabkan keletihan emosi dalam kalangan anggota polis dan akhirnya menjadikan budaya TKO. Dengan kata lain, ketidakselesaan emosi terlebih dahulu membawa kepada tekanan kerja dan kemudian menurunkan budaya TKO dalam kalangan mereka (Cheung & Cheung, 2013)

Selain itu, kajian oleh Muhammad Ariff Ibrahim, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Siti Fardaniah Abd Aziz dan Sarah Waheeda Muhammad Hafidz (2017), melibatkan 282 anggota polis yang telah dipilih daripada enam (6) buah Ibu Pejabat Polis (IPD) di Selangor, mendapati budaya organisasi dapat mempengaruhi kepuasan kerja mereka manakala kepuasan kerja dapat menerapkan TKO dalam kalangan anggota polis.

## Metod

### Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini berasaskan tinjauan keratan rentas secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data kajian. Reka bentuk ini dipilih berdasarkan kesesuaian dengan bilangan populasi kajian yang ramai dan jumlah responden yang terlibat juga ramai.

### Populasi, sampel dan lokasi kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada anggota dan pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Kuala Lumpur. Seramai 615 responden yang terdiri daripada anggota polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Kuala Lumpur telah terpilih sebagai sampel kajian. Pemilihan subjek kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

### Instrumen Kajian

Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi tiga (3) bahagian. Bahagian A terdiri daripada maklumat demografi responden yang terdiri daripada 7 soalan. Bahagian B pula berkaitan dengan kesihatan mental yang mengandungi tiga kategori iaitu pertama (i) *Depression Anxiety Stress Scales* (DASS-21) daripada Lovibond dan Lovibond (1995) yang mengandungi 21 item, di mana setiap 7 item tersebut mewakili item bagi kemurungan, kebimbangan dan tekanan.

DASS-21 ini digunakan untuk mengukur tahap kesihatan mental.

Seterusnya, bagi Bahagian C pula adalah untuk melihat penerapan tingkah laku kewarganegaraan organisasi (TKO) dalam kalangan anggota polis dengan menggunakan ujian *Organizational Citizenship Behaviour Scale* daripada Williams dan Anderson (1991) yang mengandungi 14 item, di mana setiap 7 item tersebut mewakili tingkah laku kewarganegaraan organisasi terhadap organisasi (TKO-O) dan tingkah laku kewarganegaraan organisasi terhadap individu (TKO-I).

### Kajian rintis

Kajian rintis dijalankan sebelum pengendalian kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian. Seramai 100 anggota polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Kuala Lumpur yang sedang bertugas dan menjalani perintah kawalan pergerakan (PKP) digunakan sebagai sampel kajian. Pengkaji menggunakan pekali nilai alfa Cronbach untuk mengukur nilai kebolehpercayaan bagi setiap instrumen. Nilai alfa Cronbach menunjukkan kebolehpercayaan instrumen kajian bagi setiap aspek adalah kuat dan boleh diterima. Hasil analisis kebolehpercayaan skala adalah seperti berikut:

*Jadual 1*  
Nilai Cronbach Alpha Instrumen Kajian

Instrumen Kajian	Bil item	Nilai Alpha
Kesihatan Mental	Kemurungan	0.953
	Kebimbangan	0.964
	Tekanan	0.904
TKO	TKO terhadap organisasi	0.719
	TKO terhadap individu	0.850

### **Analisis Data**

Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) dan *Analysis of a Moment Structures* (AMOS) versi 23. Penggunaan perisian SPSS adalah untuk menganalisis data berbentuk deskriptif iaitu untuk melihat kekerapan dan peratusan yang melibatkan ciri-ciri demografi. Analisis ini juga melibatkan penghuraian secara menyeluruh untuk mengenal pasti tahap kesihatan mental dari aspek kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Seterusnya juga adalah untuk mengenal pasti tahap TKO bagi TKO-O dan TKO-I. Bagi menganalisis data berbentuk inferensi, pengkaji menggunakan model persamaan struktur (SEM) dengan perisian AMOS. Di mana, pengkaji menguji hubungan di antara kesihatan mental dari aspek kesejahteraan emosi, kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan sosial dengan TKO terhadap organisasi dan TKO terhadap individu.

### **Keputusan**

#### **Analisis Deskriptif**

##### **Latar belakang demografi responden**

Jadual 2 menunjukkan jumlah kekerapan dan peratus bagi maklumat demografi responden. Daripada 615 orang responden, majoritinya adalah lelaki iaitu 91.7% atau 564 orang dan berbangsa Melayu iaitu 85.5% atau 526 orang. Jumlah responden tertinggi adalah bagi umur antara 30 hingga 39 tahun iaitu 37.1% atau 228 orang dan majoritinya, adalah berstatus berkahwin iaitu 81.0% atau 498 orang. Jumlah responden tertinggi bagi pangkat pegawai kanan adalah inspektor iaitu 5.7% atau 35 orang dan bagi pangkat pegawai bawah pula menunjukkan sarjan iaitu 31.9% atau 196 orang.

Majoriti responden adalah daripada Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik iaitu 81.6% atau 502 orang. Seterusnya, jumlah responden yang tertinggi bagi tempoh

perkhidmatan adalah di antara 1 hingga 9 tahun iaitu 37.4% atau 230 orang.

*Jadual 2*  
Taburan Demografi Responden

Pembolehubah	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	564	91.7
	Perempuan	51	8.3
Bangsa	Melayu	526	85.5
	Cina	10	1.6
	India	20	3.3
	Lain-lain	59	9.6
Umur (tahun)	29 dan ke bawah	147	23.9
	30 hingga 39	228	37.1
	40 hingga 49	102	16.6
	50 hingga 59	137	22.3
	60 dan ke atas	1	0.2
Status Perkahwinan	Bujang	101	16.4
	Berkahwin	498	81.0
Pangkat Pegawai Kanan	Bercerai/ berpisah	16	2.6
	Deputi Superintenden Polis (DSP)	9	1.5
	Asistan Superintenden Polis (ASP)	16	2.6
	Inspektor (INSP)	35	5.7
Pangkat Pegawai Bawah	Inspektor Percubaan (P/I)	2	0.3
	Sub-Inspektor (SI)	3	0.5
	Sarjan Mejari (SM)	99	16.1
	Sarjan (SJN)	196	31.9
	Koperal (KPL)	114	18.5
	Lan Koperal (L/KPL)	79	12.8
	Konstabel (KONST)	62	10.1
	Jabatan pengurusan	26	4.2
Cawangan Jabatan	Cawangan khas	7	1.1
	Jabatan logistic	5	0.8
	Kementerian dalam negeri dan ketenteraman awam	16	2.6
	Jabatan siasatan jenayah	27	4.4
Tempoh Perkhidmatan (tahun)	Jabatan siasatan jenayah dan narkotik	6	1.0
	Jabatan siastan jenayah komersial	15	2.4
	Jabatan pencegahan jenayah dan keselamatan komuniti	3	0.5
	Jabatan siasatan penguatkuasaan trafik	502	81.6
	Jabatan integriti pematuhan standard	8	1.3
	1 hingga 9	230	37.4
	10 hingga 18	161	26.2
	19 hingga 27	77	12.5
	28 hingga 36	147	23.9

## **Tahap kesihatan mental dan Tahap Tingkah laku Kewarganegaraan Organisasi (TKO)**

*Jadual 3***Tahap Kesihatan Mental dan TKO**

Aspek kesihatan mental/TKO	Dimensi	Tahap	f	(%)
Kesihatan Mental	Kemurungan	Normal	578	94.0
		Ringan	37	6.0
		Sederhana	0	0.0
	Kebimbangan	Normal	528	85.9
		Ringan	43	7.0
		Sederhana	44	7.2
	Tekanan	Normal	592	96.3
		Ringan	20	3.3
		Sederhana	3	0.5
TKO	TKO terhadap organisasi	Rendah	0	0.0
		Sederhana	14	2.3
		Tinggi	601	97.7
		Rendah	0	0.0
	TKO terhadap individu	Sederhana	55	8.9
		Tinggi	560	91.1

Jadual 3 menunjukkan tahap kesihatan mental dan tahap TKO responden (TKO terhadap organisasi dan TKO terhadap individu). Bagi dimensi kemurungan (94.0% atau 578 orang), kebimbangan (85.9% atau 528 orang) dan tekanan (96.3% atau 592 orang) menunjukkan jumlah responden tertinggi berada pada tahap normal. Seterusnya, bagi aspek TKO pula menunjukkan jumlah tertinggi bagi tahap TKO-O (97.7% atau 601 orang) dan TKO-I (91.1% atau 560 orang) juga berada pada tahap tinggi.

### **Hubungan antara kesihatan mental dengan TKO**

Setelah pengesahan CFA dijalankan, pengkaji telah menganalisis data untuk mengenal pasti hubungan di antara kesihatan mental dan TKO. Nilai kekuatan hubungan antara kesihatan mental dengan TKO

terhadap organisasi dan TKO terhadap individu ditentukan dengan menggunakan indeks kekuatan hubungan. Di mana, terdapat lima tahap iaitu hubungan sangat kuat (0.91 hingga 1.00), kuat (0.71 hingga 0.90), sederhana (0.41 hingga 0.70), lemah (0.21 hingga 0.40), dan sangat lemah (0.00 hingga 0.20) (Gravetter & Wallnau, 2011; Creswell, 2012).

Jadual 4, menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara kesihatan mental dengan TKO. Bagi kesihatan mental untuk dimensi kemurungan (-0.07), kebimbangan (-0.073) dan tekanan (-0.082) dengan TKO terhadap organisasi dan TKO terhadap individu menunjukkan hubungan negatif sangat lemah iaitu mempunyai nilai di antara -0.00 hingga -0.20).

**Jadual 4****Hubungan Kesihatan Mental dan TKO**

Konstruk	Tekanan	Kemurungan	Kebimbangan
TKO terhadap organisasi (TKO-O)	-0.082	-0.07	-0.073
TKO terhadap individu (TKO-I)	-0.086	-0.073	-0.076

*P<0.05*

**Perbincangan**

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesihatan mental dalam kalangan anggota polis adalah di tahap yang normal bagi semua aspek iaitu kebimbangan, kemurungan dan tekanan. Ini menunjukkan bahawa daya tahan diri anggota polis di Malaysia adalah tinggi walaupun sepanjang tempoh pandemik COVID-19 berlaku. Ini bertentangan dengan pendapat oleh Stogner et al., (2020), menyatakan anggota polis sangat terdedah dengan ketidakstabilan emosi dan tekanan kerana disebabkan oleh tuntutan kerja semasa pandemik COVID-19.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap pengamalan tingkah laku kewarganegaraan organisasi dalam kalangan anggota polis sama ada TKO-O atau TKO-I juga di tahap yang tinggi. Oleh itu, wajar bagi organisasi PDRM untuk mengekalkan dan meningkatkan lagi penerapan TKO dalam kalangan anggota polis.

Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan negatif dengan kekuatan yang sangat lemah antara kesihatan mental dari aspek kemurungan, kebimbangan dan tekanan dengan TKO terhadap organisasi dan TKO terhadap individu. Hubungan negatif adalah hubungan songsang, sekiranya tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan rendah maka penerapan TKO dalam diri anggota polis

adalah tinggi dan sebaliknya. Secara jelasnya, tahap kesihatan mental rendah membawa kepada peningkatan penerapan TKO dalam kalangan anggota polis.

Dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran tentang kepentingan kesihatan mental yang baik dalam memupuk pengamalan TKO dalam kalangan anggota polis. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di mana skor kesihatan mental (kemurungan, kebimbangan, tekanan) yang rendah akan meningkatkan lagi TKO dalam kalangan anggota polis. Oleh itu, elemen kesihatan mental harus diberikan penekanan terutamanya dalam memastikan adanya penerapan TKO bagi membantu meningkatkan kualiti kerja, prestasi kerja dan produktiviti PDRM.

Secara umumnya hasil dapatan kajian ini hanya menunjukkan terdapat hubungan dengan kekuatan sangat lemah bagi kesihatan mental dengan TKO. Namun begitu, berdasarkan hasil kajian- kajian lepas membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara kesihatan mental dengan TKO walaupun mereka menjalankan kajian kesihatan mental dengan aspek-aspeknya secara berasingan. Tambahan lagi, tinjauan kajian lepas membuktikan bahawa keupayan pekerja untuk menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang adalah bergantung kepada kesihatan mental yang baik dan penerapan TKO dalam organisasi mereka (Kasraie et.al, 2014; Humayon et al., 2018).

## Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap kebimbangan, kemurungan dan tekanan yang rendah akan dapat membantu dalam meningkatkan pengamalan tingkah laku kewarganegaraan organisasi. Bagi PDRM, tahap kebimbangan, kemurungan dan tekanan yang rendah dan normal ini memberikan gambaran yang jelas bahawa tahap kesihatan mental mereka yang baik. Tahap kesihatan mental yang baik ini memainkan peranan yang penting dalam membantu anggota polis menjalankan tanggungjawab dengan baik dan berkesan.

Di samping itu, kesihatan mental yang baik juga mampu memupuk pengamalan tingkah laku kewarganegaraan yang lebih tinggi dalam organisasi. Oleh itu, Kajian yang memberikan focus kepada elemen kesihatan mental dan tingkah laku kewarganegaraan organisasi ini perlu diberikan perhatian oleh pengkaji akan datang. Para pengkaji akan datang dicadangkan untuk membuat kajian yang lebih menyeluruh dengan melihat semula aspek-aspek yang boleh dikaitkan dengan kesihatan mental supaya anggota polis mempunyai tahap kesihatan yang baik disamping untuk menerapkan TKO dalam diri mereka.

## Penghargaan

Kajian ini telah ditaja oleh *Ministry of Higher Education (MOHE) of Malaysia* menerusi *The Fundamental Research Grant Scheme for Research Acculturation of Early Career Researchers*  
(RACER/1/2019/SS05/UUM//1).

## Rujukan

Avey, J.B., Wensing, T.S., & Luthans, F. (2008). Can positive employees help positive organizational change?: Impact of psychological capital and emotions on relevant attitudes and behaviours. *The Journal of Applied Behavioral Science*, 44(1), 48-70. <https://doi.org/10.1177%2F0021886307311470>

BERNAMA (2020, April 1) Remaja 18 tahun ditahan lakukan samun berkumpulan ketika PKP <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1836638>.

BERNAMA. (2020, Mei 1). Anggota keselamatan mainkan peranan kuatkuasakan PKP. Error! Hyperlink reference not valid.

Cheung, F. Y-L., & Cheung, R. Y-H. (2013). Effect of emotional dissonance on organizational citizenship behavior: Testing the Stressor-Strain-Outcome Model. *The Journal of Psychology*, 147(1), 89-103. <https://doi.org/10.1080/00223980.2012.676576>

Chin, W. (1998). The partial least squares approach to structural equation modelling. *Modern methods for business research*, 295(2), 295-336.

Creswell, J. W. (2012). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Amerika Syarikat: Sage Publication.

Eikhan Ali & Mahirah A Rashid. (2020). *Pandemik COVID-19: Mendepani impak psikososial*. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Faragher, E. B., Cass, M., & Cooper, C. L. (2003). The relationship between job satisfaction and health: A meta-analysis. Manchester Bussiness School, *The university of Manchester*, 65, 105-112. doi: 10.1136/oem.2002.006734.

Ferdous, J., Roy, K., & Islam, T. (2018). Job satisfaction and mental health of police officers in Bangladesh. *Jagannath University Journal of Life and Earth Sciences*, 4(1), 42-53.

Firdaus Abdul Ghani. (2013 Januari, 30). Memahami masalah kesihatan mental. *MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia*. Error! Hyperlink reference not valid. [gov.my/memahami-masalah-kesihatan-mental/](http://gov.my/memahami-masalah-kesihatan-mental/)

Firdaus Azil. (2021). Jumlah penahanan

- harian individu ingkar PKP meningkat kepada 1220-Ismail Sabri. (Astro Awani). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-penahanan-haria-n-individu-ingkar-pkp-meningkat-kepada-1220-ismail-sabri-237960>
- Frenkel, M.O., Giessing, L., Egger-Lampl, S., Hutter, V., Oudejans, R.R.D., Kleygrewe, L., Jaspaert, E., & Plessner, H. (2021). The impact of the COVID-19 pandemic on European police officers: Stress, demands, and coping resources. *Journal of Criminal Justice*, 72. <https://doi.org/10.1016/j.jcrimjus.2020.101756>
- Gravetter, F. J., & Wallnau, L. B. (2011). *Essential of statistic for the behavioral science* (7<sup>th</sup> edition). Belmont: Wadsworth, Cengage Learning.
- Humayon, A.A., Raza, S., Amir, H., Hussain, M.S., & Ansari, N. U.A.(2018). Assesment of work stress among police in Pakistan. *TextRoad Publication*, 8(2), 68-73.
- Husain, W. (2014). Depressin, anxiety and stress among junior & senior police officers. *Academic Research*
- Jusoh R, & Mhamat Nasudin N. N. (2013). Relationship between emotional quotient and the level of job satisfaction among secondary school teachers. *International Journal of Science Commerce and Humanities*, 1(7), 70-79.
- Kasraie, S., Parsa, S., Hassani, M., & Zadeh, A.G. (2014). The relationship between quality of work life, job stress. Job satisfaction and citizenship behavior in Oshnaviyeh Hospital's staff. *Patient Safety & Quality Improvement Journal*, 2(2), 77-81. <https://dx.doi.org/10.22038/psj.2014.2520>
- Keyes, C. L. M. (2014). Mental health as a complete state: How the salutogenic perspective completes the picture. Dalam Bauer, G.F, Hamming, (Eds.). *Bridging occupational, organizational and public health* (hlm. 179-192). Jerman: Springer Science+Business.
- Laufs, J., & Waseem, Z. (2020). Policing in pandemic: A sysytematic review and best practices for police response to COVID-19. *Journal of Disaster Risk Reduction*, 51. <https://doi.org/10.1016/j.ijdrr.2020.101812>
- Levy, M. B. (2017). Does social support moderate the association among depression, generalized anxiety disorder, and functional disability in adults with diabetes. *Psychosomatics* 58(4), 364-374.
- Masilamani, R., Bulgiba, A., Chinna, K., Darus, A., Isahak, M., Kandiben, S., & Koh, D. (2013). Prevalence and associated factors of stress in the Malaysian police force. *Preventie Medicine*, 57(1), 557-559. <https://doi.org/10.1016/j.ypm.ed.2013.01.008>
- Matulessy, A., Pascarini, A., & Rakhim, A.F. (2021). Understanding social support and work meaning to reduce work stress for police officers during the Covid-19 pandemic. *International Geographical Education*, 11(3), 1207-1215.
- Mayshak, R., Curtis, A., Coomber, K., Tonner, L., Walker, A., Hyder, S., Liknaitzky, P., & Miller. P. (2020). Alcohol-involved family and domestic violence reported to police in Australia. *Journal of Interpersonal Violence*, 0(0), 1-28. Doi: 10.1177/0886260520928633.
- Mohamed, N., Zainal Abidin, E., Rasdi., & Ismail, Z. S. (2021). The impact COVID-19 pandemic on Malaysian police officers mental health: Depression, anxiety and stress. *International Journal of Infectious Diseases* 116, S1-S130.

- <https://doi.org/10.1016/j.ijid.2021.12.107>
- Molines, M., Sanseau, P-y., & Adamovic, M. (2017). How organizational stressors affect collective organizational citizenship behaviors in the French Police. *International Journal of Public Sector management*, 30(1), 48-66.
- Muhammad Ariff Ibrahim, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Sarah Waheeda Muhammad Hafidz, & Siti Fardaniah Abd Aziz. (2016). Pengaruh iklim organisasi terhadap tingkah laku kewargaan organisasi dalam kalangan penjawat awam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 1-16.
- Muhammad Ariff Ibrahim, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Siti Fardaniah Abd Aziz & Sarah Waheeda Muhammad Hafidz. (2017). Peranan kepuasan kerja sebagai mediator dalam hubungan antara budaya organisasi dan tingkah laku kewargaan organisasi dalam kalangan anggota polis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(1), 1-16.
- Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhami Mohamad. (2021). Cabaran polis dan tentera mendepani pandemic COVID-19. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 241-252.
- Nobet, A., Rodwell, J., & Allisey, A. (2009). Police stress: The role of psychological contract and perceptions of fairness. *Policing: An International Journal of Police Strategies and Management*, 32(4), 613-630. Capaian dari [http://hdl.handle.net/10536/DRO/D\\_U:30022851](http://hdl.handle.net/10536/DRO/D_U:30022851).
- Suhaila Ibrahim & Ishak Abd Rahman. (2021). Pandemik COVID-19: Kesan terhadap kadar indeks jenayah di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(25), 114-132.
- Smith, C. A., Organ, D.W., & Near, J.P. (1983). Organizational citizenship behavior: Its nature and antecedents. *Journal of Applied Psychology*, 68(4), 653-663. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1037/0021-9010.68.4.653>
- Stogner, J., Miller, B. L., & McLean, K. (2020). Police stress, mental health, and resiliency during the COVID-19 pandemic. *American journal of criminal justice*, 45, 718-730.
- Uchino, B. N. (2009). Understanding the Links Between Social Support and Physical Health: A Life-Span Perspective With Emphasis on the Separability of Perceived and Received Support. *Perspectives on Psychological Science*, 4(3), 236-255.
- Wan Anor Wan Sulaiman, Wan Nurfatini Wan Anor, Adi Fahrudin, & Mohd Dahlan. (2018). Kaunseling Kelompok Terapi Kognitif dalam Pengurusan Stres dalam kalangan Polis. *Asian Social Work Journal*, 3(3), 29-37.
- Walton R. & Falkner S. (2020). The Challenges of Maintaining Law and Order during the Coronavirus Response. Diakses daripada, <https://policyexchange.org.uk/wp-content/uploads/Policing-a-Pandemic.pdf>
- Wan Fauziah Wan Yusoff, Tan Shen Kian & Mohammad Talha Mohamed Idris. (2013). Herzber's Two Factors Theory on work motivation: Does its work for todays environment?. *Global Journal of Commerce & Management Perspective*, 2(5), 18-22.
- Williams, L. J., & Anderson, Stella, S.E. (1991). Job Satisfaction and organizational commitment as predictors of organizational citizenship and in-role behaviors. *Journal of Management*, 17(3), 601-617. <https://doi.org/10.1177%2F014920639101700305>

- World Health Organization. (2021). WHO Coronavirus (COVID-19) dashboard. Diakses dari <https://covid19.who.int/>.
- Zafir, M.M, & Fazilah, M.H. (2006). Stres di tempat kerja dan kesannya terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja. (2006). *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 12(1), 38-46